

18 MAR 1999

Umno-Keselamatan

UMNO AKAN HABIS-HABISAN PERANGI MEREKA YANG MENGANCAM KESELAMATAN

KUALA KLawang, 18 Mac (Bernama) -- Umno akan bertindak habis-habisan untuk memerangi mereka yang mengancam keselamatan para pemimpin parti, kata Setiausaha Agungnya Datuk Sabbaruddin Chik.

Katanya, langkah itu diambil memandangkan sekarang ini bukan sahaja fitnah disebarikan menerusi pita rakaman tetapi sudah sampai ke peringkat menghentam presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hingga sanggup mencadangkan beliau dibunuh.

"Sebab itu mesyuarat Majlis Tertinggi Umno malam tadi memutuskan bahawa ia sudah sampai ke peringkat mengancam keselamatan dan perkara ini tidak boleh dibiarkan," katanya ketika merasmikan mesyuarat agung tahunan berkelompok cawangan Umno Bahagian Jelebu di Dewan Simpang Pertang, dekat sini, hari ini.

Beliau berkata, jika terdapat tuduhan yang melulu terhadap Umno dan pemimpinnya, perkara seperti itu tidak boleh dibiarkan dan tindakan perlu diambil kerana ia sudah menjadi masalah keselamatan.

"Musuh kita terlalu suka melihat kita berpecah-belah dan sekarang ini musuh kita membuat bermacam-macam fitnah khususnya terhadap Dr. Mahathir. Tujuan mereka kerana mereka yakin jika sekiranya Dr Mahathir tiada...Dr Mahathir berhenti...Dr Mahathir merasa jelak dan meninggalkan Umno, parti pembangkang termasuk DAP dan PAS berpendapat Umno akan menjadi lemah.

"Di atas kepercayaan itu mereka sentiasa menyerang Dr Mahathir dan cuba memberitahu kita kononnya kita mesti pisahkan Dr Mahathir dan Umno. Kita jangan terikut-ikut dengan strategi dan pandangan mereka ini kerana buat kita sesiapa saja yang tidak suka kepada Dr Mahathir bererti mereka juga tidak suka kepada Umno.

"Jangan kita percaya kononnya mereka ini tidak marah pada Umno tetapi marah pada Dr Mahathir...jangan percaya orang macam ini. Orang macam ini hanya mempunyai tujuan tertentu hendak memecah-belahkan kita," katanya.

Beliau berkata, parti pembangkang tidak ada batasannya untuk menang pilihan raya.

Beliau yakin dengan semangat juang yang ada pada anggota Umno, semangat inginkan kemajuan, semangat sayang kepada bangsa, agama dan negara serta semangat sayang kepada Umno, kita akan menang lagi pada pilihan raya umum akan datang.

-- BERNAMA

RP RHM